

# PM semak teks ucapan sambil bergunting

UM 31/10/2003 - 23 PRECISE

"SAYA bangga dapat menggunting rambut orang yang terkenal di seluruh dunia," kata M. Mohan Muthupandithan apabila ditanya perasaannya menggunting rambut Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sejak 1997.

Dia tidak menyangka sejak itu, Dr. Mahathir akan memintanya terus menggunting rambut sekurang-kurangnya sebulan sekali.

Menurut Mohan, dia pada mulanya didatangi oleh seorang lelaki di kedai gunting rambut miliknya di Kelab Perdana Diraja, Jalan Parlimen.

Lelaki berkenaan yang kemudiannya dikenali sebagai pegawai Dr. Mahathir bertanya sama ada dia boleh menggunting rambut Perdana Menteri.

"Saya ingat dia (pegawai) bergurau tetapi setelah dijelaskan bahawa memang perkara serius saya pun menerima," katanya.

Menurut Mohan, pada hari pertama menggunting rambut Dr. Mahathir dia tidak berpuas hati kerana tidak mengikut gaya rambut Perdana Menteri yang sebenar.

Apabila melihatnya menerusi kaca televisyen, Mohan akhirnya sedar bahawa bahagian atas rambut Dr. Mahathir sepatutnya dipotong supaya kelihatan menegak.

Menurut Mohan, 46, sebelum dia, dua atau tiga orang lagi pernah menggunting rambut Perdana Menteri.

Antaranya ialah seorang yang dikenali sebagai Manikam dan seorang lagi yang dikenali sebagai Sidamparam.

Kedua-dua mereka berkhidmat secara bergilir-gilir selama lapan tahun.

"Mereka yang mengesyorkan nama saya untuk menggunting rambut Perdana Menteri," katanya.

Menurut beliau lagi, pada mulanya, dia tidak banyak berbual semasa menggunting rambut Perdana Menteri.

Sepanjang ingatannya ketika kali pertama berkunjung ke Seri Perdana lama di ibu negara, dia mengucapkan selamat petang dan terus memulakan kerja.



MOHAN

Dia turut ketawa apabila mengingat saat tersebut kerana semasa dibawa ke dapur untuk diajak makan, Mohan diberi nasi dalam pinggan yang terlalu besar.

"Selepas (peristiwa) itu saya tidak makan lagi. Saya hanya minta minuman," katanya.

"Saya bukan orang politik yang tahu bersembang dan meminta macam-macam," kata Mohan yang berasal dari Lukut, Negeri Sembilan.

Kerja-kerja menggunting rambut itu termasuk menggunting, mencuci dan mengeringkan rambut yang biasanya memakan masa antara 30 dan 40 minit.

Hanya dia dan Perdana Menteri berada di sebuah bilik yang dikhaskan untuk tujuan itu dan bilik berkenaan dilengkapi dengan kemudahan seperti perabot, cermin dan kerusi elektrik yang boleh ubahsuai sama ada untuk kerja-kerja menggunting atau mencuci rambut.

Perdana Menteri katanya tidak banyak bercakap ketika rambutnya digunting. Ketika itu Dr. Mahathir mengambil kesempatan sama ada menyemak teks ucapannya, membaca akhbar atau majalah.

Selepas selesai, Perdana Menteri mengucapkan terima kasih.

Seperkara lagi yang menarik perhatiannya dan cukup kagum dengan sikap Perdana Menteri ialah ketepatan masa.

"Kadang-kadang beliau (Dr. Mahathir) meminta maaf sekiranya dia terlambat sampai di bilik tersebut," katanya.

Biasanya Perdana Menteri juga tidak akan mengambil minum petang sekiranya menyedari beliau sudah lewat.

"Saya menggunakan stail 'gentleman slope,'" katanya sambil menambah bahawa dia menggunakan stail menggunting menggunakan jari berbanding sikat semasa menggunting rambut Dr. Mahathir.

Mohan turut mendedahkan gaya menggunting yang sama kepada pelanggannya yang lain termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa kenamaan dan ahli perniagaan.